

01/07/2002

Umno belum putuskan calon bertanding

KUANTAN, Ahad - Umno belum memutuskan calon bagi mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit Kedah.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengetuai jentera pilihan raya di dua kawasan itu sudah membuat analisis dan beliau dijangka memberi pandangan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Umno mempunyai banyak masa memilih calon sesuai kerana tarikh penamaan calon hanya 10 Julai ini, sekali gus memberi peluang kepada Abdullah berunding dengan Dr Mahathir selepas beliau kembali daripada bercuti tidak lama lagi.

"Presiden akan mendengar pandangan bahagian. Saya percaya Abdullah sendiri akan berunding dengan Dr Mahathir mengenai perkara itu," katanya selepas merasmikan Tabika Kemas Kampung Selamat di sini, hari ini.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit akan diadakan serentak berikutan kematian penyandang kedua-dua kerusi itu, Datuk Fadzil Noor, 23 Jun lalu.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, Umno akan menggunakan pendekatan berbeza sedikit bagi menghadapi pilihan raya kecil itu.

Beliau berkata, ini kerana situasi yang mungkin dihadapi dalam pilihan raya kecil kali ini berbeza berbanding pilihan raya kecil lain.

"Jadi pendekatan yang akan digunakan berbeza sedikit kerana pertamanya pilihan raya ini di dua kawasan iaitu Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri.

"Keduanya, walaupun Parlimen dan negeri, tetapi ia dalam kawasan yang berbeza, jadi ini bermakna penyelarasan itu penting," katanya.

Mengulas sama ada kemungkinan undi simpati diberi kepada Pas berikutan kematian Presidennya, Datuk Fadzil Noor, yang menang di dua kawasan itu pada pilihan raya umum 1999, beliau berkata, pengundi akan memilih tokoh yang dapat memberi perkhidmatan terbaik.

"Keadaan suasana pemilihan 1999 agak berbeza dengan sekarang dan saya rasa faktor lain tidak mempengaruhi pemilihan pengundi yang ingin melihat kepentingan mereka terjamin," katanya.

Khalil berkata, pemilihan 18 Julai sebagai hari mengundi juga tidak akan menjejaskan peluang BN memenangi dua kerusi itu.

Katanya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah membuat pertimbangan berhubung tarikh itu dan Umno tidak meragukannya.

"Kita patuh dengan apa ditetapkan dan akan bekerja kuat supaya pengundi keluar beramai-ramai menunaikan tanggungjawab mereka.

"Walaupun ia hari bekerja, majikan boleh memberi kebenaran untuk kakitangan keluar mengundi," katanya.

Semalam SPR menetapkan 10 Julai sebagai hari penamaan calon dan 18 Julai sebagai hari pengundian bagi pilihan raya di kedua-dua kawasan itu.